

Banjir di Hilir Perak semakin pulih

TELUK INTAN 8 Nov. - Keadaan banjir yang melanda daerah Hilir Perak sejak beberapa hari lalu semakin surut dengan tiga buah pusat penempatan sementara ditutup sehingga hari ini.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) daerah, Mohd. Fazly Mohamad Zawawi berkata, setakat ini, hanya pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jong masih dibuka dengan menempatkan seramai 134 orang daripada 41 keluarga.

Katanya, tiga lagi pusat pemindahan iaitu di Kunci Air 4, Dewan Orang Ramai Kampung Chikus, Selabaj dan Ayer Hitam ditutup semalam.

"Keadaan air yang bertakung hari ini sudah semakin surut dan ada mangsa banjir sudah pun pulang ke rumah masing-masing tengah hari ini.

"Seramai 134 mangsa masih ditempatkan di SK Changkat Jong kerana air masih bertakung di rumah mereka," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Ketua UMNO Bahagian Teluk Intan, Datuk Idris Hashim berkata, mangsa banjir di pusat penempatan sementara SK Changkat Jong cuma menunggu arahan dari JPAM untuk pulang ke rumah masing-masing.

Beliau yang ditemui semasa melawat mangsa banjir di situ berkata, JPAM sedang memantau keadaan banjir di kawasan berkenaan bagi menentukan waktu sesuai penduduk boleh pulang ke rumah mereka.

"Saya nasihatkan kepada mangsa banjir supaya berhati-hati kerana masih hujan setiap hari dan kawasan rendah mungkin dinaiki air kembali," katanya.